


MAJLIS DAERAH
Bandar Baharu
KENYATAAN TAWARAN

RUJUKAN FAIL : MDBB(T) 0.0205/BP.1/2024

Bertarikh: 25 JUN 2024

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Bandar Baharu, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri (CIDB) yang tercatat di bawah serta masih dibenarkan menyertai tawaran bagi kerja-kerja berikut:-


KELAS/TAJUK	TAJUK KERJA	NO. SEBUTHARGA
CIDB GRED : G2 KATEGORI : CE KOD KHUSUS : CE21	1. Menaik Taraf Prasarana Pasar Awam Serdang, MD Bandar Baharu	MDBB(T)0.0205/BP.1/2024/12
	2. Membina Baru 10 Unit Kiosk Di Pekan Serdang, MD Bandar Baharu	MDBB(T)0.0205/BP.1/2024/13
	3. Membina Baru 10 Unit Kiosk Di Pekan Bandar Baharu, MD Bandar Baharu	MDBB(T)0.0205/BP.1/2024/14

2. Dokumen Sebutharga akan hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang sah sahaja. Oleh itu, kontraktor adalah dikehendaki membawa **surat pendaftaran asal** dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri (CIDB) dengan pusat berkenaan.
3. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM50.00** bagi Kelas G2 daripada Bahagian Kejuruteraan, Projek & Penyelenggaraan, Majlis Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman di alamat Majlis Daerah Bandar Baharu, 09800 Serdang, Kedah Darul Aman.



4. Lawatan tapak akan diadakan pada tarikh **02 JULAI 2024 (SELASA)** **jam 9.30 pagi** di Pejabat Majlis Daerah Bandar Baharu.
5. **Pihak kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebutharga seperti yang ditetapkan pada perenggan 4 di atas. Hanya **PEMILIK SYARIKAT/ PENAMA** pada lesen sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pemeriksaan **KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI (CIDB)** akan di jalankan untuk tujuan pengesahan
6. Dokumen tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis tajuk kerja atau nombor sebutharga di sebelah kiri sampul surat dan dihantar supaya sampai ke peti tawaran di **Majlis Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada **09 JULAI 2024 (SELASA)**.
7. Jawatankuasa Sebutharga Majlis Daerah Bandar Baharu tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau sebarang tawaran yang ditawarkan. Keputusan jawatankuasa sebutharga **Majlis Daerah Bandar Baharu** adalah **muktamad**.

DENGAN PERINTAH



YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU,
SERDANG, KEDAH DARUL AMAN.